**1103/1**
**Bahasa Melayu**
**Kertas 1**
**September 2009**
**2 ¼ jam**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009**

# BAHASA MELAYU

## Kertas 1

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian,** *iaitu* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. Jawab **Soalan Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B**.
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**
(Masa yang dicadangkan : 45 minit)

[*30 markah*]

*Lihat gambar di bawah dengan teliti.*
*Huraikan pendapat anda tentang* ***kesan negatif filem kepada remaja.*** *Panjang huraian anda* ***antara 200 hingga 250 patah perkataan****.*

**FILEM-FILEM POPULAR MALAYSIA**



**ROCK**



**CASTELLO**




**PONTIANAK HARUM SUNDAL MALAM**

**Bahagian B**
(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

[*100 markah*]

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

1. Arus globalisasi telah menyebabkan pelbagai budaya warisan rakyat Malaysia semakin terhakis.
   Anda sebagai rakyat yang cinta akan negara, sarankan sumbangan anda untuk mengekalkan budaya warisan rakyat Malaysia.

2. Teknologi internet kini telah maju. Ibu bapa berperanan penting dalam mengawal kecenderungan anak-anak melayari internet tanpa berasa risau dan bimbang.
   Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak memanfaatkan internet dalam kehidupan seharian.

3. "Barangan Tempatan Berkualiti Antarabangsa" ialah slogan kerajaan ke arah mencapai standard kualiti barangan antarabangsa.
   Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh usahawan tempatan supaya hasrat ini menjadi realiti.

4 Kemasukan warganegara asing ke beberapa buah negara lain meninggalkan pelbagai implikasi.
   Jelaskan pernyataan ini.

5. Tulis sebuah cerpen atau skrip drama berdasarkan tema "Konflik Remaja" .

**KERTAS SOALAN TAMAT**